



KEMENTERIAN KERJA RAYA

# KENYATAAN MEDIA

## MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI PROJEK MEMBINA MAKMAL UJIAN DAN BANGUNAN KOMPLEKS MIROS

KUALA LUMPUR, 15 JANUARI 2026 - YBhg. Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya, telah menyempurnakan **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) bagi Projek Membina Makmal Ujian dan Bangunan Kompleks MIROS**, sebuah projek infrastruktur strategik di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Roslan bin Ismail, Ketua Pengarah Kerja Raya, dan Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Siti Zaharah binti Ishak, Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).

Projek ini merupakan inisiatif Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Rolling Plan 4, yang dianugerahkan kepada MTD Construction Sdn. Bhd. dengan nilai kontrak sebanyak RM129,421,563.55. Projek dilaksanakan secara Reka dan Bina, dengan tempoh pelaksanaan dijadualkan selama 178 minggu, bermula 7 Januari 2026 dan dijangka siap sepenuhnya pada 5 Jun 2029.

Antara skop utama projek ini ialah pembinaan Bangunan Makmal Ujian, Bangunan Pentadbiran, Blok Sokongan, serta pelbagai kemudahan sokongan lain yang berkaitan dengan fungsi penyelidikan dan pengujian keselamatan jalan raya. Projek ini bertujuan meningkatkan kapasiti institusi strategik negara dan memperkukuh peranan MIROS sebagai pusat pengujian serantau di ASEAN. Untuk makluman, sepanjang tahun 2025, Cawangan Kerja Bangunan Am 2 (CKBA 2) telah berjaya mengeluarkan tiga (3) SST yang bernilai RM31.42 juta untuk projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Projek Makmal Ujian dan Bangunan Kompleks MIROS memainkan peranan strategik sebagai pusat rujukan penyelidikan dan keselamatan jalan raya negara, selain menyokong pembangunan kapasiti dan penyelidikan serantau. Dengan fasiliti baharu ini, negara dapat memperkukuh penyelidikan, pengujian, dan pembangunan kapasiti di peringkat nasional dan ASEAN, sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan keselamatan jalan raya secara menyeluruh.

Projek ini juga bertujuan memperkukuh kecekapan operasi MIROS, membolehkan pelaksanaan program penyelidikan dan latihan ditingkatkan daripada 30 kepada 50 program setahun, serta memastikan penggunaan fasiliti dilakukan secara sistematik, selamat, dan berimpak tinggi. Matlamat ini sejajar dengan nilai Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, kecekapan, keterangkuman, dan kemampanan dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA



Edit with WPS Office



K E M E N T E R I A N   K E R J A   R A Y A

# KENYATAAN MEDIA

Dalam majlis itu, Datuk Seri Dr. Ahmad Maslan menekankan bahawa kontraktor yang menerima SST perlu memberi komitmen penuh terhadap mutu kualiti, mematuhi spesifikasi, kos, masa, dan keselamatan. Beliau menyeru agar projek ini disiapkan mengikut jadual atau lebih awal tanpa mengabaikan piawaian, sejajar dengan prinsip Zero Sick Projects dan Ahead of Time (AOT) yang diamalkan oleh KKR dan JKR.

Kedua-dua prinsip ini sejajar dengan aspirasi **Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030)**, yang bertujuan memacu transformasi sektor pembinaan negara secara efektif, produktif, dan berdaya saing. Pendekatan ini membuktikan bahawa KKR bukan sahaja menekankan pematuhan terhadap jadual dan piawaian, tetapi juga mengutamakan keberkesanan pengurusan projek demi manfaat rakyat dan kemakmuran negara.

Penyiapan Kompleks ini bakal memberikan manfaat yang besar kepada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dalam menjalankan fungsi penyelidikan yang lebih komprehensif. Majlis penyerahan SST ini bukan sekadar simbolik kontrak, malah merupakan manifestasi ketersediaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menyediakan fasiliti terbaik kepada rakyat.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**15 Januari 2026**

#KearahKesejahteraanRakyat  
#JasaKepadaRakyat  
#MYJALAN  
#Jalankitatanggunjawabkita  
#KerajaanMADANI  
#MADANIbekerja

